

DATE: 06/09/2007

[KUALA LUMPUR]

Abdullah lawat Dr Mahathir di IJN

Sinar Harian - 6/9/2007



Dr Mahathir dijangka ditempatkan di ICU sehingga hujung minggu ini atas nasihat doktor bagi memastikan kesihatan bekas Perdana Menteri itu benar-benar stabil

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Jeanne Abdullah berada di Institut Jantung Negara semalam untuk melawat Tun Dr Mahathir Mohamad yang baru sedar daripada menjalani pembedahan pintasan jantung semalam.

Mereka bagaimanapun tidak dapat berjumpa dengan bekas Perdana Menteri itu memandangkan beliau masih berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan hanya anggota keluarga terdekat dibenarkan memasuki wad itu, menurut anak Dr Mahathir, Datuk Mokhzani.

Abdullah dan isteri tiba di IJN pada pukul 5.10 petang, kira-kira satu setengah jam selepas Dr Mahathir sedar daripada pembedahan itu, yang mengambil masa lima jam.

Mereka meluangkan masa kira-kira setengah jam berjumpa dengan anggota keluarga Dr Mahathir sambil diberikan taklimat mengenai keadaan terkini beliau.

"Beliau berjumpa de-



Abdullah dan Jeanne tiba di IJN untuk menziarah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam.

ngan emak saya (Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali) dan semua pakar yang membedah Tun ada di situ. Perdana Menteri diberi taklimat secara terperinci dan maklumat terkini," kata Mokhzani ketika ditemui pemberita di lobi IJN.

Mokhzani berkata, Perdana Menteri yang gembira dengan kejayaan pembedahan itu meminta mereka menyampaikan salam kepada bapanya.

Ditanya mengenai bila Dr Mahathir sedar, Mokhzani berkata bapanya sedar pada 3.30 petang dan ketika itu ibunya, Dr

Siti Hasmah berada di sisi beliau.

"Ada satu perkara lucu yang dikatakan bapa saya, tetapi itu kena tanya dia bila dia boleh bercakap dengan press (pemberita) nanti," katanya sambil ketawa.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan perkara lucu itu walaupun ditanya berulang kali.

Mokhzani berkata, keadaan bapanya bertambah baik dan telah bercakap dengan semua anggota keluarga di samping bertanya kepada doktor apa yang mereka lakukan sewaktu pembedahan ber-

langsung.

"Tan Sri Yahya (Awang, yang mengetuai ketua pasukan pembedahan) telah menerangkan kepada beliau mengenai apa yang dilaluinya dan beliau telah memanggil untuk berjumpa dengan semua doktor dan jururawat yang terlibat dalam melakukan pembedahan itu," katanya.

Mokzani berkata, bapanya mengucapkan terima kasih kepada setiap seorang daripada mereka dan bercakap dengan mereka walaupun beliau masih perlu memakai serkup oksigen. - BERNAMA